

07/11/1998

Negara tidak harap pujian asing

Zulkofli Jamaludin; Faizal Fadzil

KUALA LUMPUR, Jumaat - Malaysia tidak memerlukan pujian bagi setiap tindakannya daripada pihak asing yang menganggap diri mereka sebagai kuasa yang menentukan segala-galanya, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, jika pihak asing memuji Malaysia bermakna mereka memperalatkan bangsa dan agama rakyat negara ini.

"Kita tidak perlu kepada penerimaan dan kepujian daripada orang asing yang menganggap diri mereka sebagai hakim, kuasa pentadbir dan penentu segala-galanya.

"Jika kita dipuja oleh mereka, percayalah, sebabnya ialah kerana kita sudah diperalat mereka, kita sudah khianati diri kita, bangsa kita dan kerap kali juga agama kita," katanya ketika merasmikan sambutan Hari Pengguna Sedunia 1998 peringkat kebangsaan di Pusat Islam, hari ini. Tema Hari Pengguna Sedunia tahun ini ialah "Bijak Berbelanja Untuk Negara".

Hadir sama, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan beberapa timbalan menteri Kabinet.

Perdana Menteri berkata, rakyat tidak memerlukan pujian pihak luar bagi meyakinkan diri sendiri bahawa tindakan yang dilakukan untuk negara adalah langkah yang baik.

"Bagi kita yang harus kita junjung ialah kebaikan bagi kita, tidak datang daripada memburukkan orang lain yang tidak bermusuhan dengan kita.

"Jika kita lihat hasil usaha kita ialah kejayaan dan kebahagiaan bagi kita, maka itu sudah mencukupi," katanya.

Bagi memastikan Malaysia terus bebas, Dr Mahathir menjelaskan, negara mesti bebas membentuk dasar dan cara pentadbirannya sendiri, selain memiliki pendirian tersendiri sama ada membabitkan masalah dalaman atau luaran.

"Bangsa yang bebas tidak saja bebas kerana wilayahnya tidak lagi ditakluk oleh orang asing.

"Kemerdekaan negara kita adalah tanggungjawab terbesar sekali bagi kita. Kita baru 41 tahun merdeka. Kita masih ingat kehinaan penjajahan yang sudah kita lalui selama 400 tahun.

"Kita tidak ingin dijajah lagi sama ada secara langsung atau tidak langsung," katanya.

Mengenai masalah ekonomi negara, Perdana Menteri turut menegaskan, usaha pemulihan ekonomi mesti dilaksanakan rakyat Malaysia sendiri.

"Usaha yang perlu dibuat oleh kita sebagai pengguna dan rakyat ialah menentukan negara kita stabil, menentukan kita tidak memburukkan lagi keadaan, menentukan kita mengambil bahagian dalam segala kegiatan yang boleh memulihkan keadaan negara kita," katanya.

(END)